

15/01/2001

Mohd Nooh tokoh agama berwibawa

Othman Mamat

SECARA tiba-tiba saja, nama Datuk Mohd Nooh Gadot menjadi sebutan ramai dan Mufti Johor itu terus menjadi buruan pihak media di negeri ini.

Nama Nooh bukanlah asing bagi rakyat negara ini, khususnya umat Islam, lantaran beliau adalah seorang tokoh agama yang disegani masyarakat tempatan dan luar Johor.

Beliau adalah seorang penceramah dan pendakwah yang sering muncul di kaca televisyen sejak beberapa tahun lalu, termasuk di dalam rancangan Al-Kuliyyah terbitan TV3 dan Forum Perdana yang disiarkan menerusi TV1 RTM.

Perwatakan beliau yang bersahaja, pengetahuan agamanya yang mendalam dan meluas serta cara penyampaian ceramah yang penuh bersemangat, sering menjadi buah mulut penonton.

Saya pernah menonton satu siaran Al-Kuliyyah yang barisan panelnya turut dianggotai Nooh dan amat tertarik dengan cara beliau menjawab serta menjelaskan kemusykilan ditanya oleh penonton.

Sejak itu, saya sering menunggu untuk mengikuti rancangan agama di televisyen yang disertai Nooh. Kalau boleh saya ingin berbual secara langsung dengan beliau pada satu masa.

Sebaik berpindah tempat kerja ke Johor Bahru kira-kira enam bulan lalu, saya sering mendengar pelbagai cerita dan berita yang menarik mengenai mufti dan pemimpin agama di Johor ini.

Antaranya ialah cara beliau menangani kes membabitkan kesalahan melanggar peraturan agama, isu perceraian di kalangan umat Islam dan cara hidup beliau yang dikatakan amat sederhana.

Seorang rakan yang pernah mengunjungi beliau di kediamannya di Johor Bahru menyatakan, rumah Nooh amat ringkas tetapi setiap orang yang memasukinya berasa begitu tenang, damai dan selesa.

Dalam menangani isu perceraian dan kes jenayah agama pula, seorang pegawai kanan di Jabatan Agama Johor memberitahu, pendekatan diperkenalkan ketuanya itu amat disenangi oleh pelbagai pihak.

Nooh memperkenalkan kaedah kaunseling bagi setiap kesalahan atau pertikaian dan tidak terburu-buru dalam mengambil keputusan. Beliau sentiasa mahu mendengar hujah daripada kedua-dua pihak yang bertelagah, termasuk dalam perkelahian rumah tangga serta aduan pihak tertentu terhadap pihak lain.

Saya tidak mendapat kesempatan untuk bersua muka atau bersembang dengan Nooh menerusi telefon, sehinggalah satu hari beliau menelefon saya untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu 'pesta joget' yang didakwa dianjurkan Berita Harian di Johor Bahru, pada malam Ramadan, baru-baru ini.

Pesta joget dimaksudkan itu ialah majlis berbuka puasa bersama ibu tunggal yang diadakan khusus untuk meraikan mereka, sambil menyampaikan sumbangan barang keperluan menyambut Hari Raya yang didermakan oleh penaja majlis itu.

Bagi memeriahkan majlis, beberapa artis dan kumpulan kebudayaan Johor, diundang untuk menyampaikan lagu dan persembahan tarian tradisional. Ia semata-mata untuk menghiburkan ibu tunggal dan keluarga mereka yang hadir pada malam berkenaan.

Bagaimanapun, seorang ibu tunggal atau janda yang turut diraikan dalam majlis itu tersalah anggap lalu mengadu kepada Nooh, kononnya Berita Harian menganjurkan pesta tari menari, lantaran tarian kebudayaan dipersembahkan oleh kumpulan kebudayaan itu.

Mujurlah, Nooh bukanlah seorang yang bersikap suka mengambil tindakan

terburu-buru. Beliau segera menelefon saya untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

Selepas mendapat maklumat dan gambaran sebenar mengenai perkara itu, beliau secara spontan membuat keputusan bahawa usaha Berita Harian itu tidaklah salah, malah amat murni dan dialu-alukan terutama pada Ramadan Al Mubarak.

Saya berasa amat terharu bukan saja kerana dapat berbual-bual dengan seorang mufti menerusi telefon, malah kewibawaan beliau yang sanggup melupakan pangkat yang tinggi dalam kerajaan untuk menelefon orang yang kena dakwa.

Malah, beliau menghuraikan permasalahan itu dengan cara amat mengagumkan sehingga saya dapat merumuskan Nooh adalah tokoh agama yang benar-benar berwibawa dan berketrampilan.

Saya juga pernah diceritakan oleh seorang pegawai agama mengenai kisah satu pasangan suami isteri yang berkelahi dan mahu bercerai kerana masalah yang remeh.

Sebaik berita itu sampai ke pengetahuan Nooh, beliau segera memanggil pasangan suami isteri itu ke rumahnya untuk menikmati makan malam bersamanya sambil membincangkan masalah yang menjadi punca pertelagahan berkenaan.

Alhamdulillah, menerusi pendekatan kaunseling yang dianjurkan Nooh, pasangan berkenaan dapat diketemukan dalam jamuan secara keluarga itu dan selepas berbincang panjang lebar serta mendengar kaunseling daripada Nooh, suami isteri terbabit membatalkan hasrat untuk bercerai.

Apa yang menarik, tidak lama selepas pertemuan dan makan malam keluarga di rumah Nooh, si isteri tadi dilaporkan kembali mengandung dan bakal melahirkan anak tidak lama lagi.

Nama Nooh tiba-tiba meniti dari bibir ke bibir sejak seminggu lalu, dan disebut-sebut sebagai tokoh yang bakal dilantik menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri, bagi menggantikan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, yang meletakkan jawatannya.

Spekulasi itu muncul selepas Dr Abdul Hamid dikatakan memberitahu Jawatankuasa Umno Bahagian Sik yang dipimpinnya, bahawa Nooh bakal mengambil alih jawatan beliau.

Khabar angin itu bertiup semakin kencang apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengunjungi Sultan Johor dan menikmati makan tengah hari di Istana Bukit Serene, sehari sebelum Dr Abdul Hamid meletakkan jawatannya.

Spekulasi itu mempunyai asas tersendiri kerana sebelum ini, Nooh dikatakan pernah cuba disenaraikan sebagai salah seorang calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lalu, tetapi tidak menjadi kenyataan selepas gagal mendapat perkenan daripada pihak atasan.

Setiap kali diajukan soalan berkaitan spekulasi itu, Nooh enggan mengulas, tetapi tetap menjawab dan melayani pertanyaan wartawan secara berhemat.

Bagi saya, jika spekulasi yang masih hangat diperkatakan ini menjadi kenyataan, bermakna umat Islam di negara ini memperoleh seorang tokoh Islam yang amat berwibawa dan bakal membawa perubahan dalam pentadbiran agama di negara ini.

(END)